



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***CIRI SAHSIAH DALAM PEMILIHAN PELAJAR KE PROGRAM ULUL
ALBAB MAKTAB RENDAH SAINS MARA GEMENCHEH, NEGERI
SEMBOLAN***

SITI SOLEHAH BINTI IBRAHIM

FPP 2015 41



**CIRI SAHSIAH DALAM PEMILIHAN PELAJAR KE PROGRAM ULUL
ALBAB MAKTAB RENDAH SAINS MARA GEMENCHEH, NEGERI
SEMBILAN**

Oleh

SITI SOLEHAH BINTI IBRAHIM

Tesis ini dikemukakan kepada sekolah pengajian siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

November 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA
彭尼亞揚**

SELAWAT DAN SALAM BUAT RASUL JUNJUNGAN MULIA



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**CIRI SAHSIAH DALAM PEMILIHAN PELAJAR KE PROGRAM ULUL
ALBAB MAKTAB RENDAH SAINS MARA GEMENCHEH, NEGERI
SEMBILAN**

Oleh

SITI SOLEHAH BINTI IBRAHIM

November 2015

Pengerusi : Umi Kalthom Binti Abdul Manaf, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti ciri-ciri sahsiah yang menjadi kriteria pemilihan pelajar bagi kemasukan ke program Ulul Albab Rendah Sains Mara (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan. Kurikulum Ulul Albab merupakan sebuah kurikulum integrasi antara program sedia ada (Sains Tulen) dengan kurikulum aliran agama termasuk tahfiz al-Quran. Terdapat tiga elemen utama dalam pelaksanaan kurikulum Ulul Albab iaitu elemen Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Misi utama kurikulum Ulul Albab adalah untuk membentuk sahsiah pelajar melalui pembudayaan Al-Quran. Penekanan terhadap sahsiah pelajar adalah selari dengan hasrat yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) bermula dari 2013-2025. Antara 11 anjakan yang diperkenalkan, anjakan yang ketiga iaitu melahirkan rakyat yang menghayati nilai membuktikan bahawa elemen nilai merupakan salah satu aspek yang harus ditekankan ke dalam diri pelajar semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Elemen nilai pula diperoleh menerusi pembangunan sahsiah seseorang individu. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menjawab empat persoalan utama iaitu (1) Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif pihak pentadbir? (2) Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif pihak guru? (3) Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif pihak ibu bapa? (4) Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif pihak pelajar? Reka bentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes telah dipilih bagi menjawab persoalan kajian tersebut. Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan bagi pemilihan peserta kajian. Seterusnya, teknik temu bual separa berstruktur digunakan untuk mengumpulkan data daripada 5 kumpulan peserta kajian yang terdiri daripada para pentadbir, guru, ibu bapa serta pelajar yang terlibat dengan kurikulum Ulul Albab ini.

Data telah dianalisis menggunakan perisian *Atlas.ti*. Menerusi analisis yang diperoleh, didapati bahawa terdapat 22 tema utama yang telah dikenal pasti iaitu cinta terhadap Al-Quran, bersifat *extraversion*, mahir membaca Al-Quran, memiliki sifat *al-syaja'ah*, memiliki sifat *ta'zim*, tabah, menjaga hubungan dengan Allah, memininati konsep pembelajaran Ulul Albab, *extraversion*, bertanggungjawab, mempunyai visi dalam hidup, yakin terhadap pertolongan Allah, bersifat tekun, memininati ilmu aqli, bermotivasi, ikhlas, merendah diri, berusaha meningkatkan diri, mencari kebenaran, mempunyai pegangan hidup dan amanah. Setiap tema ini kemudiannya dikelompokkan lagi kepada beberapa pecahan sub-tema yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Pengkategorian tema tersebut memudahkan pengkaji serta pembaca untuk meneliti ciri sahsiah pelajar dengan gambaran atau skop yang luas dan mendalam.



Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**SAHSIAH CHARACTERISTICS FOR THE SELECTION OF STUDENTS
INTO ULUL ALBAB PROGRAM AT MARA JUNIOR SCIENCE
COLLEGE GEMENCHEH, NEGERI SEMBILAN**

By

SITI SOLEHAH BINTI IBRAHIM

November 2015

**Chairman : Umi Kalthom Binti Abdul Manaf, PhD
Faculty : Educational Studies**

This study aims to investigate the *sahsiah* characteristics for the selection of students into Ulul Albab program at Mara Junior Science College (MJSC) Gemencheh, Negeri Sembilan. Ulul Albab curriculum is an integrated curriculum between the existing program (pure science) with the religious stream including tafsir Al-Quran. There are three main elements in the implementation of Ulul Albab program, which are the Quranic, Encyclopedic and Ijtihadik elements. The main mission in Ulul Albab is to cultivate the *sahsiah* through cultivation of Al-Quran. Emphasis on *sahsiah* is in line with the 6 student aspirations that were stated in the Malaysia Education Development Plan (PPPM) starting from 2013 until 2025. Among the 11 shifts introduced, the third shift, which is producing good citizens who appreciate the values of Al-Quran, be emphasized to the students during Teaching and learning process. Consequently, this study was conducted to answer four research questions which are (1) What are the *sahsiah* characteristics that is needed for the student selection into Ulul Albab program in MJSC Gemencheh based on the administrators perspectives? (2) What are the *sahsiah* characteristics that is needed for the student selection into Ulul Albab program in MJSC Gemencheh based on the teacher perspectives? (3) What are the *sahsiah* characteristics that is needed for the student selection into Ulul Albab program in MJSC Gemencheh based on parents perspectives? (4) What are the *sahsiah* characteristics that is needed for the student selection into Ulul Albab program in MJSC Gemencheh based on students perspectives?. Qualitative research design using a case study approach was chosen to answer the research questions. Purposive sampling was used to select participants in this research. Semi structured interview technique was used to collect the data from 5 group of participants consisting of the administrators, teachers, parents and students who are involved in the Ulul Albab curriculum. Data were analyzed using the Atlas.ti software. According to the analysis, there are 22 main themes that has been identified, which are: love of the Quran, extraversion, adept at reading the Quran, *al-syaja'ah*, *Ta'zim*, persevered, maintaining a relationship with God, interested in learning Ulul Albab concept, extraversion, responsible, have a vision in life, confidence with the help from God,

conscientiousness, interested in aqli knowledge, motivated, sincere, humble, trying to improve himself, seeking the truth, have purpose in life, and trustworthy.

Each theme is then subdivided into several sub-themes that have been identified by researchers. The theme categorization facilitates researchers and readers to examine the *sahsiah* characteristics of students with a broad overview and also profound.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya maka kajian ini dapat disiapkan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Umi Kalthom binti Abdul Manaf selaku penyelia tesis ini atas kesungguhan beliau membimbang dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Selain itu, peluang yang diberikan oleh Dr Umi Kalthom kepada saya untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan penyelidik dalam kajian "Pembangunan Model Implementasi Ulul Amrullah dalam Pengurusan Perkhidmatan Kependidikan di Sekolah Rendah Islam Terpadu Darul Ihsan" penulisan tesis saya sendiri.

Ucapan terima kasih juga turut ditujukan kepada Dr. Fathiyah binti Fakhruddin yang banyak memberikan sumbangan idea berkaitan tesis ini. Tidak dilupakan juga jasa yang disumbangkan oleh Encik Ady Hameme dan Hafizah Zulkifli yang bertindak sebagai mentor saya yang banyak meluangkan masa untuk memberikan pandangan serta tunjuk ajar yang berharga.

Penghargaan turut ditujukan kepada pihak MARA dibawah unit inovasi dan penyelidikan kerana telah memberikan tajaan geran kepada kumpulan kami untuk melaksanakan kajian ini dan tidak lupa kepada para responden daripada MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

Dan akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pendorong utama saya dalam penulisan tesis ini iaitu kedua-dua ibu bapa saya iaitu Haji Ibrahim Said dan Hajjah Mastura Abdul Moin serta suami iaitu Mohammad Izzuddin Jawati atas doa dan sokongan yang diberikan kepada saya. Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumba pada 23 November 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Solehah binti Ibrahim bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Ciri Sahsiah dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh, Negeri Sembilan” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Fadzilah binti Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asmawati binti Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Aderi Che Noh, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 24 Mac 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Umi Kalthom Abdul Manaf, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Fathiyah Fakhruddin, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Siti Solehah Binti Ibrahim, GS37152

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- ‡ penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- ‡ tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti PutraMalaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 20122013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Pensyarah Kanan Dr. Umi Kalthom Abdul Manaf

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Pensyarah Kanan Dr. Fatiyah Fakhruddin

JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|---------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| BAB | |
| 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.3 Objektif Kajian | 5 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 6 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.6 Skop dan Batasan Kajian | 7 |
| 1.7 Kerangka Konsep Kajian | 7 |
| 1.8 Definisi Operasional | 9 |
| 1.9 Rumusan | 10 |
| 2 SOROTAN LITERATUR | 12 |
| 2.1 Pengenalan | 12 |
| 2.2 Matlamat Pendidikan Negara | 12 |
| 2.3 Konsep Kurikulum Dalam Pendidikan di Malaysia | 15 |
| 2.4 Pembangunan Kurikulum di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) | 17 |
| 2.5 Model Pelaksanaan Kurikulum | 18 |
| 2.5.1 Model Pembangunan Insan Sains Seimbang (PISS) | 18 |
| 2.6 Konsep Ulul Albab | 20 |
| 2.7 Pelaksanaan Kurikulum Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) | 22 |
| 2.8 Konsep Sahsiah | 24 |
| 2.8.1 Sahsiah Pelajar Menurut Perspektif Islam | 25 |
| 2.8.2 Sahsiah Pelajar Menurut Perspektif Barat | 28 |
| 2.9 Sahsiah Pelajar Menurut Perspektif Barat | 29 |
| 2.9.1 Rumusan | 30 |
| 3 METODOLOGI KAJIAN | 32 |
| 3.1 Pengenalan | 32 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 32 |
| 3.3 Pemilihan Peserta Kajian | 33 |
| 3.3.1 Lokasi Kajian | 34 |
| 3.4 Tempoh Kajian | 34 |
| 3.5 Prosedur Pelaksanaan Kajian | 35 |

| | | |
|----------|--|-----------|
| 3.5.1 | Peringkat Persediaan | 35 |
| 3.5.2 | Peringkat Pelaksanaan | 35 |
| 3.5.3 | Carta Alir Proses Kajian | 36 |
| 3.6 | Kaedah Pengumpulan Data | 37 |
| 3.6.1 | Kaedah Temu Bual Separa Berstruktur | 37 |
| 3.6.1.1 | Temu Bual Kumpulan Berfokus | 38 |
| 3.6.2 | Penulisan Transkripsi Temu Bual Separa Berstruktur | 38 |
| 3.7 | Kaedah Penganalisisan Data | 39 |
| 3.8 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Dapatan Kajian | 39 |
| 3.9 | Rumusan | 41 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN | 42 |
| 4.1 | Pengenalan | 42 |
| 4.2 | Persoalan Kajian 1: Apakah Ciri-Ciri dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Pentadbir? | 43 |
| 4.2.1 | Cinta Terhadap Al-Quran | 43 |
| 4.2.2 | <i>Extraversion</i> | 44 |
| 4.3 | Persoalan Kajian 2: Apakah Ciri-Ciri dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Guru? | 45 |
| 4.3.1 | Mahir Membaca Al-Quran | 45 |
| 4.3.2 | <i>Al-u{clcocj</i> | 46 |
| 4.3.3 | <i>Ta'zim</i> | 46 |
| 4.4 | Persoalan Kajian 3: Apakah Ciri-Ciri dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Ibu Bapa? | 47 |
| 4.4.1 | Tabah | 48 |
| 4.4.2 | <i>Al-syaja'ah</i> | 49 |
| 4.4.3 | Menjaga Hubungan Dengan Allah | 50 |
| 4.4.4 | Mempunyai Minat | 50 |
| 4.4.5 | <i>Extraversion</i> | 51 |
| 4.5 | Persoalan Kajian 4: Apakah Ciri-Ciri dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Pelajar? | 53 |
| 4.5.1 | Bertanggungjawab | 55 |
| 4.5.2 | Cintakan Al-Quran | 58 |
| 4.5.3 | Tabah | 59 |
| 4.5.4 | Mempunyai Visi dalam Hidup | 61 |
| 4.5.5 | Yakin Terhadap Pertolongan Allah | 63 |
| 4.5.6 | Ketekunan | 64 |
| 4.5.7 | Meminati Ilmu Aqli | 65 |
| 4.5.8 | <i>Al-Syaja'ah</i> | 66 |
| 4.5.9 | Bermotivasi | 67 |
| 4.5.10 | Ikhlas | 68 |

| | | |
|------------------------|--|------------|
| 4.5.11 | Merendah Diri | 69 |
| 4.5.12 | Berusaha Untuk Meningkatkan Diri | 70 |
| 4.5.13 | Mencari Kebenaran | 70 |
| 4.5.14 | Mempunyai Pegangan Hidup | 71 |
| 4.5.15 | Amanah | 71 |
| 4.5.16 | Rumusan | 72 |
| 5 | PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN | 75 |
| 5.1 | Pengenalan | 75 |
| 5.2 | Perbincangan Dapatan Kajian | 75 |
| 5.3 | Ciri-Ciri Sahsiah Dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Pentadbir | 76 |
| 5.4 | Ciri-Ciri Sahsiah Dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Guru | 79 |
| 5.5 | Ciri-Ciri Sahsiah Dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Ibu Bapa | 81 |
| 5.6 | Ciri-Ciri Sahsiah Dalam Pemilihan Pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan Menurut Perspektif Pihak Pelajar | 87 |
| 5.7 | Kesimpulan | 99 |
| 5.8 | Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal | 101 |
| 5.9 | Implikasi Kajian Terhadap Aspek Model | 102 |
| 5.10 | Cadangan Kajian Akan Datang | 102 |
| RUJUKAN | | 103 |
| LAMPIRAN | | 112 |
| BIODATA PELAJAR | | 126 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|--|--|----------------|
| 3.1 Petunjuk dan keterangan penulisan transkripsi | | 39 |
| 4.1 Jadual Tema dan Sub-Tema Analisis Persoalan Kajian 1 | | 43 |
| 4.2 Jadual Tema dan Sub-Tema Analisis Persoalan Kajian 2 | | 45 |
| 4.3 Jadual Tema dan Sub-Tema Analisis Persoalan Kajian 3 | | 48 |
| 4.4 Jadual Tema dan Sub-Tema Analisis Persoalan Kajian 4 | | 54 |
| 4.5 Rumusan Dapatan Kajian | | 73 |
| 5.1 Tema dan Persoalan Kajian | | 75 |
| 5.2 Rumusan Tema dan Persoalan Kajian | | 100 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|--------------|--|----------------|
| 1.1 | Kerangka Konsep Kajian | 8 |
| 2.1 | Model pembangunan Insan Sains Seimbang | 19 |
| 2.2 | Model Ulul Albab | 23 |
| 3.1 | Carta Alir Proses Kajian | 36 |



SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|---------------------------------------|
| FPK | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| Y.B | Yang Berhormat |
| MRSM | Maktab Rendah Sains MARA |
| PISS | Pembangunan Insan Sains Seimbang |
| CDC | <i>Curriculum Development Centre</i> |
| SJK | Sekolah Jenis Kebangsaan |
| PPK | Pusat Perkembangan Kurikulum |
| PWTC | Pusat Dagangan Dunia Putera |
| MJSC | <i>Mara Junior Science College</i> |
| DEB | Dasar Ekonomi Baharu |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam era globalisasi, dunia pendidikan menjadi semakin kompetitif terutamanya daripada sudut akademik untuk melahirkan pelajar yang terbaik di antara yang terbaik. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan baik daripada pihak kerajaan maupun pihak bukan kerajaan dalam memastikan negara sentiasa memiliki taraf pendidikan yang hebat seiring dengan kemajuan negara.

Menurut Syed Najmuddin et al. (2009), hasrat kerajaan untuk melahirkan model acuan sendiri iaitu model masyarakat yang berhasil daripada pembangunan fizikal tanpa mengeneppikan aspek nilai-nilai budaya dan sahsiah yang mulia menggambarkan bahawa aspek akhlak diberi keutamaan dalam pembangunan sesebuah negara.

Oleh yang demikian, sewajarnya aspek sahsiah ini diberi fokus dari peringkat awal lagi terutamanya ketika peringkat persekolahan, agar individu tersebut mampu dilentur keperibadiannya bersesuaian dengan matlamat yang dihasratkan oleh pihak kerajaan. Pendidikan merupakan perantaraan yang terbaik untuk mencapai matlamat negara sebagaimana menerusi pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) pada tahun 1982 yang bertindak sebagai penentu aras dalam bidang pendidikan (Habsah et al., 2009).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan jelas menekankan aspek keseimbangan antara intelek, rohani, emosi dan jasmani (Syed Najmuddin et. al, 2009). Selain itu, matlamat utama yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan individu yang bakal menjadi insan yang baik menerusi proses pendidikan yang berpaksikan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Mok Soon Sang, 2011; Habsah et al., 2009).

Kesemua matlamat yang digaris menerusi pembentukan falsafah tersebut menunjukkan bahawa perkembangan pelajar tidak seharusnya hanya bertitik tolak kepada akademik semata-mata, sebagaimana yang sering berlaku pada masa kini. Perkembangan kerohanian juga diperlukan dalam diri pelajar kerana menurut de Souza (2006), aspek kerohanian dapat membantu anak muda untuk mencari makna dalam kehidupan mereka serta menggalakkan rasa penghargaan terhadap diri mereka.

Menerusi penghargaan diri, pelajar akan meningkatkan potensi diri mereka untuk menjadi individu yang terbaik menerusi penonjolan sahsiah yang berlandaskan kepada nilai-nilai yang baik.

Justeru itu, pelbagai transformasi telah dilaksanakan bagi menjamin kualiti pendidikan yang bakal diperoleh pelajar. Pada Oktober 2011 pihak Kementerian Pendidikan telah melancarkan kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh dengan membangunkan sebuah *blueprint* iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM).

Sistem pendidikan telah dikaji semula kerana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil kira beberapa perkara yang menjadi fokus dalam bidang pendidikan seperti fokus terhadap taraf pendidikan antarabangsa yang kian meningkat, peningkatan aspirasi negara untuk persiapan diri generasi muda serta peningkatan harapan ibu bapa dan masyarakat terhadap dasar pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Perkara yang menjadi fokus kedua dalam pelan ini adalah untuk mempersiapkan generasi muda bagi menghadapi keperluan abad ke-21. Penetapan fokus ini adalah bersesuaian dengan keadaan pelajar yang akan menerajui dunia yang penuh dengan cabaran akan datang. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) telah menetapkan bahawa pelajar bukan sahaja perlu memiliki sahsiah yang mantap, tetapi juga nilai murni sejagat seperti integriti, belas kasihan, dan keadilan.

Terdapat 11 anjakan yang telah dicatatkan dalam PPPM 2013-2025 sebagai teras untuk menghasilkan perubahan dalam bidang pendidikan. Di antara kesemua anjakan yang ketiga menunjukkan bahawa penghayatan nilai harus ditekankan ke dalam diri pelajar semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Hasil yang diharapkan menerusi penerapan nilai ini adalah pelajar akan memiliki nilai teras sejagat serta identiti nasional yang kukuh walaupun selepas tamat sesi persekolahan mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pembentukan sahsiah pelajar telah menjadi fokus utama dalam bidang pendidikan meskipun sebelum pengenalan *blueprint* PPPM 2013-2025. Buktinya, kepentingan idea untuk mewujudkan sebuah program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) pada tahun 2009.

Program Ulul Albab merupakan satu program baru yang dilaksanakan semenjak awal tahun 2009 bermula di MRSRM Kota Putra, Besut, Terengganu. Seramai 180 orang pelajar telah terpilih selepas melalui proses temu duga bagi mengikuti program ini pada pengambilan pertama. Hasil daripada kejayaan di MRSRM Kota Putra, pada tahun 2010 satu lagi MRSRM Ulul Albab telah dibuka di MRSRM Gemencheh, Negeri Sembilan, iaitu dengan pengambilan pertama seramai 180 orang pelajar (Aminuddeen, 2012).

Kewujudan kurikulum Ulul Albab ini adalah bertujuan untuk melahirkan seorang ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja dapat menggarap ilmu pengetahuan duniawi, tetapi juga mempunyai pengetahuan ukhrawi, iaitu berlandaskan pengetahuan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab (Modul Quranik Program Ulul Albab, n.d.).

Secara umumnya, MARA telah menetapkan matlamat untuk menjadikan MRSRM sebagai sebuah institusi pendidikan bertaraf dunia yang menawarkan pendidikan seimbang daripada sudut akademik dan akhlak untuk melahirkan generasi Muslim yang kukuh iman, mempunyai akhlak mulia dan memiliki budaya kerja yang hebat (Syed Najmuddin et al., 2009). Oleh hal yang demikian, pengenalan kurikulum Ulul Albab di MRSRM merupakan suatu anjakan baharu untuk menggapai hasrat yang ditetapkan oleh pihak MARA.

MRSRM merupakan sebuah institusi pengajian yang menggalakkan pembangunan dan minat pelajar dalam bidang Sains dan Matematik khususnya dengan penekanan ke atas tiga bidang utama iaitu, bidang akademik, pembangunan personaliti dan personaliti bakat (Nurfaradilla et al., 2010). Namun, pengenalan kurikulum Ulul Albab telah membawa sedikit perbezaan daripada kurikulum yang telah sedia ada yang dijalankan di MRSRM aliran perdana.

Keberkesanan pelaksanaan sesuatu program baharu adalah bertitik tolak daripada penerimaan golongan yang berada dalam sesebuah institusi tersebut. Pelaksanaan kurikulum Ulul Albab ke atas institusi MRSRM memerlukan penerimaan daripada pelbagai pihak yang terlibat seperti pihak pentadbir, guru-guru, ibu bapa serta para pelajar. Menurut teori dalam pelaksanaan kurikulum, iaitu teori *concern based adoption model* yang dibina oleh para penyelidik di *University of Texas Research and Development Centre for Teacher Education* pada tahun 1973, bagi menjamin pelaksanaan sesebuah kurikulum baharu di sesebuah institusi, maka perkara utama yang perlu dilihat adalah bagaimana kesemua pihak yang terlibat dalam sesebuah institusi tersebut mengadaptasi perubahan yang berlaku.

Institusi MRSRM Ulul Albab yang melaksanakan kurikulum baharu, iaitu kurikulum Ulul Albab akan berjaya dilaksanakan dan mencapai matlamat sekiranya berlaku perubahan pada diri setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum ini. Justeru, pelajar yang ingin memasuki MRSRM Ulul Albab perlu memiliki sesuatu ciri yang tertentu pada diri mereka sebelum dipilih memasuki MRSRM Ulul Albab.

Secara umumnya, para pelajar yang berkebolehan tinggi daripada segi akademik akan ditawarkan untuk mengikuti pembelajaran di MRSRM. Mereka boleh dikategorikan sebagai golongan pelajar pintar cerdas akademik kerana pemilihan kemasukan ke MRSRM dilakukan secara saringan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pemilihan kemasukan pelajar ke MRSRM dilaksanakan berdasarkan keputusan cemerlang dalam ujian UPSR bagi kemasukan Tingkatan 1 dan ujian kecenderungan kemasukan (UKKM) bagi kemasukan Tingkatan 4.

Untuk program Ulul Albab, selain daripada keputusan UPSR, pelajar yang akan memasuki Tingkatan 1 program Ulul Albab akan ditemuduga berdasarkan beberapa elemen seperti elemen pengetahuan, minat dan komunikasi serta keyakinan pelajar ketika ditemu duga (Suriati Jaafar, 2012).

Menerusi saringan kemasukan yang telah dijalankan, pelajar MRSRM sepatutnya telah memenuhi sebahagian daripada hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu keseimbangan dari sudut intelek melalui pencapaian mereka yang cemerlang dalam akademik. Namun, keseimbangan sahsiah pelajar khususnya dari aspek personaliti, kerohanian serta penghargaan kendiri dilihat masih belum terbukti (Asrul Azmin,

2009). Menurut McClelland dalam Asrul Azmin (2009), salah satu cara untuk memahami sahsiah pelajar cemerlang akademik ialah dengan membuat suatu kajian terhadap ciri-ciri diri pelajar kerana pelajar yang cemerlang dalam akademik memiliki personaliti yang berbeza-beza.

Menerusi pernyataan yang dibentangkan, telah muncul suatu persoalan, iaitu apakah ciri-ciri sahsiah yang perlu dimiliki oleh pelajar yang akan mengikuti kurikulum Ulul Albab bagi memenuhi matlamatnya dalam melahirkan golongan Ulul Albab. Oleh itu satu kajian lanjutan perlu dilakukan mengenai sahsiah pelajar daripada persepsi individu-individu yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kurikulum Ulul Albab di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan.

1.2 Penyataan Masalah

Pembentukan sahsiah merupakan salah satu ciri yang perlu dititikberatkan dalam diri pelajar dan merupakan satu proses bagi membina individu yang holistik. Jika difahami dengan teliti, pembinaan keperibadian sahsiah adalah sangat berkait rapat dengan pendidikan akhlak yang merupakan jiwa dalam pendidikan Islam (Muhammad Rodhi, 2013). Keperluan menyaring kemasukan pelajar ke program eksklusif seperti program Ulul Albab adalah bagi mengekang kemerosotan sahsiah daripada menjadi lebih buruk kritikal pada masa akan datang. Pada masa kini, terdapat begitu banyak kes berkaitan kemerosotan sahsiah telah dilaporkan oleh pihak media massa.

Menurut laporan daripada akhbar *New Straits Times* (Ogos, 2005), kira-kira tujuh pelajar sekolah ditahan setiap hari dan tiga daripada mereka adalah berumur di antara linkungan 13 hingga 15 tahun. Pada tahun 2011 sahaja, seramai 11,218 pelajar atau 2.05% terlibat dalam kes-kes berat seperti bergaduh, ponteng sekolah dan kes ringan seperti kekemasan diri. Perkara ini menunjukkan bahawa sekitar 2 hingga 3 peratus bilangan pelajar masih perlu diberi perhatian sewajarnya. Daripada jumlah tersebut, seramai 72,873 (66.1%) orang adalah melibatkan pelajar sekolah menengah dan seramai 37,345 (33.9%) orang adalah pelajar sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Pelajar berprestasi tinggi juga tidak terlepas daripada permasalahan berkaitan sahsiah. Hal ini dapat dilihat menerusi kejadian kes buli dan pukul pelajar tingkatan dua yang telah dilaporkan dalam laporan secara atas talian bertajuk *Pelajar MRSM patah rusuk kes belasah senior* (2014), oleh lapan orang seniornya di Maktab Rendah Sains Mara Balik Pulau pada akhir Oktober 2014. Selain itu, terdapat satu kejadian pada 2013 di mana seorang pelajar tingkatan dua mendakwa dibelasah dua pelajar lain di MRSM Kepala Batas. Dalam kejadian tersebut, beliau didakwa dipukul lebih daripada dua pelajar sebelum dipaksa menelan ubat (Abdul Hakim, 2013). Menerusi masalah yang timbul ini, maka adalah satu perkara yang penting untuk melihat aspek sahsiah pelajar selain daripada kecemerlangan akademik.

Kepentingan berkenaan sahsiah pelajar dapat dilihat menerusi kajian yang dijalankan oleh Umi Kalthom et al. (2013) di mana pihak pemegang taruh telah menetapkan ekspektasi tertentu ke atas pelajar MRSM, dengan menganggap bahawa pemupukan akhlak yang terpuji merupakan wadah dalam pembangunan modal insan yang holistik. Namun perkara sebaliknya yang berlaku, iaitu ekspektasi pemegang taruh dilihat tidak

mencapai tahapnya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi hasil kajian yang dijalankan oleh Umi Kathom et al. (2013) ke atas pelajar di MRSM Kota Putra, iaitu MRSM pertama yang menjalankan program Ulul Albab. Kajian tersebut menunjukkan bahawa sebilangan pelajar di MRSM tersebut mengalami konflik sahsiah dan juga krisis identiti. Walaupun masalah sahsiah di institusi MRSM Ulul Albab dilihat tidaklah begitu meruncing dan serius, namun perkara ini juga tidak wajar dipinggirkan. Oleh yang demikian, kajian ini penting untuk dijalankan agar pemilihan kemasukan pelajar seterusnya ke program Ulul Albab dapat menangkis masalah berkaitan sahsiah daripada berlarutan.

Menurut Imam Al-Ghazali, salah satu perkara yang dapat membina sahsiah dalam diri seseorang adalah menerusi penghayatan Al-Quran (Kamarul Azmi, 2001). Walaupun pelajar yang berada di MRSM Ulul Albab ditekankan dengan aspek kerohanian, namun tanpa penghayatan yang sebenar daripada Al-Quran itu sendiri, maka sahsiah pelajar tidak dapat dibentuk sebagaimana mengikut kandungan yang terdapat di dalam Al-Quran. Hal ini turut dipersejuaui oleh Mohd Ismail et al. (2004), di mana beliau berpendapat pelajar-pelajar di sekolah menengah yang berteraskan agama sepatutnya dapat memanfaatkan ilmu yang telah mereka peroleh dalam membentuk sahsiah diri yang baik.

Seharusnya para pelajar berprestasi tinggi yang disaring kemasukannya memiliki masalah berkaitan sahsiah yang paling sedikit. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekangan yang bermula daripada tahap awal pemilihan pelajar ketika temu duga, di mana syarat pengambilan pelajar ke MRSM Ulul Albab ketika saringan temu duga hanya mencakupi beberapa aspek seperti pengetahuan, minat serta komunikasi dan keyakinan pelajar (Suriati Jaafar, 2012).

Satu spesifikasi sahsiah yang tertentu perlu ditetapkan bagi menyelaraskan saringan kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab. Spesifikasi tersebut perlu dilihat menerusi beberapa perspektif individu yang terlibat secara langsung dengan program Ulul Albab, seperti menurut perspektif pentadbir yang menjalankan program Ulul Albab, perspektif guru-guru yang mengajar di MRSM Ulul Albab, perspektif ibu bapa pelajar yang menuntut di MRSM Ulul Albab, serta perspektif pelajar yang akan menuntut di MRSM Ulul Albab.

Oleh yang demikian, satu kajian berkenaan penelitian ciri-ciri sahsiah pelajar dalam pemilihan ke program Ulul Albab perlu dijalankan bagi menentukan kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab adalah berdasarkan kepada spesifikasi sahsiah yang tertentu dan ciri pemilihan pelajar ini dapat diselaraskan penggunaannya kepada seluruh MRSM Ulul Albab di negara ini.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan ciri-ciri sahsiah yang diperlukan dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif pihak pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk menjawab empat persoalan yang berikut:

- i. Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif pihak pentadbir?
- ii. Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif guru?
- iii. Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif ibu bapa?
- iv. Apakah ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan menurut perspektif pelajar

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berkisar tentang penentuan ke atas ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke Program Ulul Albab di MRSM. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada beberapa individu yang berkepentingan dalam program Ulul Albab, seperti pihak pentadbir, guru-guru, ibubapa serta para pelajar.

Kepentingan kajian kepada pihak pentadbir yang terlibat dengan program ini adalah mereka dapat melakukan saringan kemasukan pelajar ke program Ulul Albab dengan lebih selaras dan mengikuti spesifikasi yang tertentu. Perkara ini akan lebih memudahkan pihak pentadbir untuk melihat kemampuan pelajar untuk berkembang dengan lebih baik menerusi proses pembelajaran mereka di MRSM Ulul Albab. Selain itu, kajian ini diharap dapat memberi kebaikan kepada pihak guru agar dapat memberi fokus kepada pembinaan sahsiah sesuai dengan kurikulum/program ulul albab.

Pihak ibubapa dan pelajar turut memperoleh kepentingan menerusi kajian yang dijalankan, kerana mereka dapat menggunakan spesifikasi sahsiah yang disenaraikan sebagai persediaan awal sebelum kemasukan mereka ke program Ulul Albab. Selain itu, pihak ibubapa turut dapat membantu meningkatkan sahsiah anak-anak mereka sebagai persediaan awal sebelum kemasukan ke program Ulul Albab.

Secara rumusannya, kajian ini diharap dapat menambahbaik proses pemilihan kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab menerusi penyelarasan elemen sahsiah apabila pelajar disaring menerusi temu duga. Di samping itu, kajian ini juga dijangka dapat memperkayakan khazanah ilmu tentang program Ulul Albab, kerana pada masa kini kurangnya penyelidikan berkaitan Ulul Albab telah dijalankan.

1.6 Skop dan Batasan Kajian



Kajian ini bertujuan untuk meneliti ciri-ciri sahsiah dalam pemilihan pelajar ke Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan. Bagi mencapai tujuan kajian ini, pengkaji perlu menentukan batasan yang terdapat dalam kajian ini sebagai panduan untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Antara perkara yang membataskan kajian ini adalah daripada aspek pemilihan peserta kajian.

Aspek pemilihan peserta kajian telah dipilih dalam kalangan pelajar, ibu bapa, pihak pentadbir serta guru-guru yang terlibat dengan kurikulum Ulul Albab sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini tidak boleh dilakukan generalisasi ke atas MRSM yang tidak terlibat dengan kurikulum Ulul Albab.

Selain daripada aspek pemilihan peserta kajian, kajian ini juga mempunyai batasan dari segi pelaksanaan atau operasi saringan temu duga menggunakan spesifikasi sahsiah yang telah ditetapkan. Hal ini bermaksud, kajian ini hanya meneliti secara deskriptif ciri-ciri sahsiah pelajar berdasarkan elemen sahsiah dalam pelaksanaan kurikulum Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh. Pengukuran tentang ciri-ciri sahsiah pelajar tidak dijalankan dalam kajian ini dan dijangka bahawa menerusi dapatan secara deskriptif tentang ciri-ciri sahsiah pelajar, maka dapatan daripada kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan.

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Di dalam kajian ini, penyelidik telah membentuk kerangka konsep yang bertujuan untuk menjelaskan kajian yang ingin dikaji seperti di muka surat berikut:



Rajah 1.1 : Kerangka konsep kajian

Kerangka konsep kajian dalam rajah 1.1 menunjukkan perkaitan model yang wujud bagi penentuan sahsiah yang diperlukan dalam pemilihan pelajar ke program Ulul Albab. Kriteria penentuan sahsiah pelajar adalah berdasarkan kepada dua model iaitu, model PISS dan juga model personaliti *Big Five*. Selain itu, konsep sahsiah Al-Ghazali turut digunakan bagi menentukan sahsiah pelajar untuk proses pemilihan pelajar ke program Ulul Albab.

Model PISS atau dikenali sebagai model Pembangunan Insan Sains Seimbang yang digunakan telah ditambah baik menerusi penambahbaikan maklumat berkaitan ciri-ciri sahsiah yang perlu dimiliki oleh pelajar. Model PISS terbahagi kepada 3 kategori utama, iaitu kategori input, proses serta hasil. Bagi kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan kepada kategori input iaitu kategori sebelum pelajar melalui sesuatu proses pembelajaran. Berdasarkan kepada model PISS yang asal, kehadiran pelajar Islam, bersedia untuk dididik, serta bersedia menerima kebenaran merupakan faktor yang diperlukan untuk sesuatu program berjaya menghasilkan pelajar menurut acuan yang diinginkan.

Namun, penyelidik telah menambah dua kriteria lain bagi menentukan kemasukan pelajar yang menurut kepada sahsiah dilihat secara lebih menyeluruh. Oleh yang demikian, penyelidik telah menambahkan model personaliti yang dikenali sebagai model *Big Five* dan konsep sahsiah Al-Ghazali sebagai penambahbaikan kepada model PISS yang sedia ada.

Model *Big five* merupakan sebuah model dari pandangan Barat yang meliputi ciri personaliti seperti *extraversion*, *conscientiousness*, *agreeableness*, *openness* dan *neuroticism*. Model ini kemudian diintegrasikan dengan konsep sahsiah menurut persepektif Islam yang lebih holistik, iaitu konsep sahsiah menurut Al-Ghazali. Menurut beliau, ciri sahsiah boleh diperincikan kepada tawakal, ikhlas, VROLGDULWLFLQWDNDQLOP~~X~~ZDW~~X~~KDVDQDKWD~~X~~LPGDQM~~X~~X

Kesemua model yang digunakan iaitu model PISS, model *Big Five* dan konsep sahsiah Al-Ghazali dijadikan sebagai teras kepada kajian ini. Pandangan berkaitan sahsiah yang dikemukakan oleh responden yang terlibat iaitu pentadbir, guru, ibubapa dan pelajar turut dijadikan salah satu panduan bagi memastikan pemilihan kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab lebih menyeluruh dan diterima pandangannya dari sudut semua pihak yang berkepentingan.

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan istilah khusus yang perlu diselaraskan bersesuaian dengan konteks kajian ini. Antara istilah yang berkaitan dengan kajian ini adalah sahsiah, program Ulul Albab dan kurikulum.

Sahsiah: Sahsiah merujuk kepada kecenderungan tingkah laku individu iaitu bagaimana setiap individu bertindak dengan cara tersendiri dan cara bertindak tersebut mempunyai pola yang lebih kurang sama dari sehari ke sehari (Siti Fatimah, 1993). Selain itu, sahsiah juga dikenal pasti sebagai satu konsep personaliti atau keperibadian (Kamus Dewan, 2000). Menurut Fitriah (2013), sahsiah merupakan pembangunan karakter, ciri-ciri sifat, moral dan kualiti etika seseorang individu.

Istilah sahsiah dalam kajian ini merujuk kepada pemilihan ciri-ciri pelajar daripada segi moral dan etika individu yang berdasarkan kepada idola tertinggi iaitu Nabi Muhammad S.A.W dan daripada rumusan berkenaan 12 ciri-ciri pelajar yang dirumuskan oleh Imam Al-Ghazali serta daripada pandangan sarjana Barat.

Pemilihan Pelajar: Istilah pemilihan pelajar yang dikemukakan menerusi kajian ini adalah menjurus kepada pemilihan secara khusus kemasukan pelajar ke program Ulul Albab secara saringan iaitu menerusi temu duga yang dijalankan. Para pelajar yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar berprestasi tinggi dengan pencapaian akademik tertinggi semasa peperiksaan UPSR.

Program Ulul Albab: Program Ulul Albab merupakan program pendidikan integrasi antara program sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk tafhiz al-Quran. Program Ulul Albab yang dijalankan di MRSRM ini bercirikan kepada 3 elemen iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. (Fitriah, 2013).

Menurut kajian yang dijalankan ini, program Ulul Albab yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kurikulum Ulul Albab yang dijalankan di MRSRM. Kurikulum ini lebih menjurus kepada kerohanian disamping mempunyai penambahan elemen sains yang merupakan teras kepada kurikulum di MRSRM aliran perdana.

Kurikulum: Terdapat pelbagai pendapat berkaitan definisi kurikulum. Merujuk dalam kajian Micheal Anak Ringgit (2007), menurut Tyler (1949) menyatakan kurikulum adalah alat berfungsi untuk pendidikan manakala Taba (1962), kurikulum adalah suatu pelan pembelajaran. Pelaksanaan kurikulum juga boleh diertikan sebagai perubahan sebahagian daripada pembangunan kurikulum yang membawa kepada perubahan yang berlaku secara realiti (Ornstein & Hunkins, 2013).

Istilah kurikulum dalam kajian ini merujuk kepada pelaksanaan kurikulum baharu iaitu kurikulum Ulul Albab di MRSRM Gemencheh. Kurikulum Ulul Albab adalah berbeza daripada kurikulum yang dijalankan di MRSRM aliran perdana.

1.9 Rumusan

Bab ini menerangkan latar belakang kajian yang dijalankan. Secara kesimpulannya, program Ulul Albab merupakan program yang terhasil daripada cetusan idea Y.B DWR~~S~~HUL ,GULV -XRK VHEDJDL XDKD QWN PHPEHUL LQRYDVL GDQ PHQHUDMK VLVV pendidikan negara. Program Ulul Albab merupakan program pendidikan integrasi antara program sedia ada (sains tulen) dengan program aliran agama termasuk tafhiz Al-Quran. Program ini merupakan usaha untuk mentransformasi sistem pendidikan khususnya MARA bagi melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab. Matlamat utama program ini adalah bagi membentuk generasi Ulul Albab yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran, tetapi juga memiliki kualiti ciri-ciri yang baik iaitu setia, mulia, bertanggungjawab serta komited terhadap agama, bangsa dan negara. Meskipun program ini mempunyai visi, misi serta objektif yang dirangka dengan baik, namun beberapa kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa walaupun tahap sahsiah pelajar yang mengikuti program ini dilaporkan dalam keadaan baik, namun berlaku juga masalah disiplin dan keruntuhan akhlak yang melibatkan

para pelajar pintar cerdas. Selain itu, para pelajar MRSRM juga menghadapi konflik dari segi sahsiah dan juga krisis identiti. Meskipun pelajar pintar cerdas sering dilihat mempunyai sahsiah dan ciri-ciri yang menyenangkan, namun ciri-ciri yang dimiliki oleh pelajar MRSRM tersebut tidak menunjukkan pencapaian mereka dalam memiliki ciri-ciri yang diingini oleh pemegang taruh dan penggubal program Ulul Albab. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memberi tumpuan kepada ciri-ciri yang perlu ada pada pelajar yang menjalani program Ulul Albab bagi membolehkan syarat kemasukan pelajar ke dalam MRSRM ini selari dengan misi program Ulul Albab ini.



RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Publishing
- EGNDOLP7DPNL ,VODPLF(GKDWLRLQWHDFKHUV\$HUFHSWLRQVRIWKHWHDFKLQJ of akhlaq in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 36 (3), 371±386.
- Abdul Hakim Rahman. (2013). Mangsa buli di MRSM trauma. (atas talian). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-buli-di-mrsm-trauma-6914>. Akses pada 30 November 2015.
- EGN0QIP\$ -Hasyimi. (2012). *Indahnya akhlak Rasulullah menurut Bukhari dan Muslim*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing.
- Abdul Rahman. (2001). Program bina sahsiah belia jabatan belia dan sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kajian tentang keberkesanannya. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abdul Rashid Zainal, Sumaiyah Sulaiman & Siti Nor Jaffar. (2012). Biah Solehah pemangkin kecemerlangan sahsiah pelajar. IPG Kampus Pendidikan Islam.
- Abdurrahman Umdirah. (1996). *Membentuk insan kamil*. Kuala Lumpur: Darul Ihsan
- Abraham, M. R. (2008). Importance of a theoretical framework for research. *ACS Symposium Series*, 976, 47-66.
- Ahmad Ilyas Ismail. (2004). *Seratus cerita tentang akhlak*. Jakarta: Penerbit Republika.
- Alias Azhar. (2010). Faktor pembangunan dan kemunduran pengajian sains islam silam. *Jurnal Hadhari*, (3), 43-59.
- A-Ghazali & Abu Hamid Muhammed Muhammad Imam. (2003). *Ihya' Ulum Ad-Din*. Cetakan pertama. Kaherah: Maktabah as Safa.
- Al-Ghazali. (1980). *Ihya' Ulum al-Din* Jilid 2. Cetakan Ke-4. Indonesia: Perc Menara Kudus.
- Al-Ghazali. (1980). *Ihya' Ulum al-Din*. Jilid 4. Cetakan Ke-4. Indonesia: Perc Menara Kudus.
- Asrul Azmin Masiron (2009). Hubungan Antara Personaliti dan Penghargaan Kendiri Pelajar Cemerlang Akademik. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.

- Aminuddeen Mohammad. (2012). Program Ulul Albab. (atas talian) <http://unitpimrsm.net/index.php/berita-fokus/296-program-ulul-albab>. Akses pada 12 Oktober 2014.
- Azizi Yahaya. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori dan interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Azizi Yahaya & Mohd Hassan. (2010). Pendekatan Teori. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya & Nufaizah Abdul Majid. (2011). Hubungan antara budaya formal sekolah dan gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of educational psychology and counseling*, (2), 78-112.
- Azma Mahmood, Ramoh Abdul Ghani, Ruslan Muhammad & Ibrahim Mohammed Zin (n.d). Efikasi pembentukan sahsiah murid dalam kalangan pelajar KPLI Institut Perguruan Islam. *Abstrak kertas kerja, IPG Kampus Pendidikan Islam*.
- Barber, J. P. & Walczak, K. K. (2009). Conscience and critic: Peer debriefing strategies in grounded theory research. *American Educational Research Association*.
- Berg, R. V. D. (1993). The concern based adoption model in the Netherlands, Flanders, and the United Kingdom: state of the art and perspective. *Studies in Educational Evaluation*, 19, 51-63.
- Buchanan, M. T., & Hyde, B. (2008). Learning beyond the surface: engaging the cognitive, affective and spiritual dimensions within the curriculum. *International Journal of Children's Spirituality*, 13(4), 309±320.
- Burn, R. B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman.
- Choong, L. K. (2008). *Philosophy and education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W. (2008). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. USA: SAGE Publications.
- Dasar Kurikulum Negara. (n.d). (atas talian). <http://www.moe.gov.my/v/kurikulum-kebangsaan>. Akses pada 6 Januari 2015.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (2005). *The sage handbook of qualitative research*. 3rd Edition. USA: SAGE Publications.
- De Souza, M. (2006). *Rediscovering the spiritual dimension in education: Promoting a sense of self and place, meaning and purpose in learning in International handbook of religious, moral and spiritual education*. (pp. 1127±39). Amsterdam: Springer.

- De Young, C. G. (2014). Cybernetic big five theory. *Journal of research in personality*. Dimuat turun pada 15 Januari, 2015, daripada <http://dx.doi.org/10.1016/j.jrp.2014.07.004> 0092-6566/? 2014
- Ellsworth, J. B. (2000). *Surviving changes: A survey of Educational change models*. New York: ERIC Clearinghouse.
-)DUL]D 0RKG 6KDP 7KH DSSURDFKHV RI GDZDK LQ GHYHORSLQJ SHUVRQDOLW\RI adolescents. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 7 (2), 173-178.
- Fitriah Alias (2013). Expectation of Majlis Amanah Rakyat (MARA) stakeholders on the Ulul Albab curriculum at the MARA Junior Science College (MRSM). Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Golafshani, N. (2003). Understanding reliability and validity in qualitative research. *The Qualitative Report*, 8 (4), 597-607.
- Good, J. L., & Cartwright, C. (1998). Development of moral judgment among undergraduate university students. *College Student Journal*, 32(2), 270±278.
- Graziano, W. G., Tobin, R. M., Leary, M. R., & Hoyle, R. H. (2009). *Handbook of individual differences in social behavior*. New York: Guilford Press.
- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2001). *Implementing change: Patterns, principles, and potholes*. Needham Heights. MA: Allyn and Bacon.
- Hamburger, Y. L. & Ben-Artzi, E. (2000). The relationship between extraversion and neuroticism and different uses of the internet. *Computers in human behavior*, 16, 441-449.
- Halstead, J. M. (2007). Islamic values: a distinctive framework for moral education? *Journal of Moral Education*, 36 (3), 283-296.
- Habibah Alias & Noran Fauziah Yaacob. (1997). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Habsah Ismail, Ramlah Hamzah, Aida Suraya Muhsin, Hapsah Nawawi, Rosini Abu & Wan Zah Wan Ali. (2009). Belief in God based on the National Philosophy of Education amongst Malaysian secondary school teachers. *European Journal of Social Sciences*. 8(1), 160-170.
- Haron Din. (2007). *Ada apa dengan Islam?*. Kuala Lumpur: PTS Publication Sdn. Bhd.
- Haron Din, Sulaiman Yasin, Hassan Salleh & Sidi Ghazalba. (1985). *Manusia dan Islam*. Pulau Pinang: PDRM.
- Hasnol Hizam Hamzah. (2014). *Midraj ul-fawatih fi syarh misykat il-musobih: Tangga pembuka ilmu*. Kuala Lumpur: Fitrah Resources.

- Ibrahim Ahmad, B. (2007). Peranan kurikulum dalam membangunkan insan Ulul Albab. *Kertas Kerja Persidangan Kurikulum Kebangsaan 2007*.
- Idris Jusoh. (2006). Satu Pemikiran Praktis Dalam Merealisasikan Konsep Ulul Albab. *Kertas Kerja Seminar Ulul Albab. Anjuran Bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan Terengganu Development Institute*. Kuala Terengganu, 21 September.
- Ismail Kamus & Azrul Azlen. (2013). *Indahnya hidup bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Kamus Dewan. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Kamarul Azmi Jasmi . (2001). Paradigma al-Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan, satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyadh Al-Solihin. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Perekayaan ke atas perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, Kuala Lumpur : Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diperoleh pada November 25, 2015 daripada <https://www.moe.gov.my>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia education blueprint 2013-2025 (Preschool to post-secondary education)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairani Zakariya @ Abdul Hamid. (2012). Kaedah pembangunan akhlak remaja menurut Imam Al-Ghazali: Aplikasinya dalam program tarbiah sekolah-sekolah menengah aliran agama berasrama di Negeri Kedah, Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 2(1).
- Litoselliti, L. (2003). *Using Focus Groups in Research*. New York: Continuum.
- Loucks, S. F. (1983). *The concern based adoption model*. North Carolina: TADS.
- Lovat, T.J. & Smith, D.L. (2003). *Action on Reflection*. Australia: Social Science Press.
- Maktab Rendah Sains Mara. (n.d.). Penerangan Maktab Rendah Sains Mara. (atas talian) <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pendidikan/159-maktab-rendah-sains-mara-mrsrm.html>. Akses pada 20 Disember 2014.
- Martin, C. (2013). Co-curricular participation and academic achievement. (atas talian). <http://www.chilton.k12.wi.us/index.php>. Akses pada 23 Februari 2015.
- Muhammad Manshur. (2007). *Masturah: Usaha dakwah di kalangan wanita*. Bandung: Pustaka Ramadhan.
- Marshall, M. N. (1996). Sampling for qualitative research. *Family Practice*, 13 (6), 522-525.

- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. United State of America: Jossey-Bass.
- Micheal Anak Ringgit. (2007). Analisis teori, falsafah dan model pembentukan kurikulum prasekolah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Modul Quranik Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains Mara*. (n.d). Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan & Latihan (Menengah) MARA.
- Mok S. S. (2011). *Falsafah pendidikan, kurikulum dan profesionalisme keguruan*. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Mohd Ismail Mustari, Selamat Hashim, Azmi Shah Suratman, Abdul Basit Abdul Samat, Abdul Rahman Hamzah & Abdul Hafiz Abdulllah. (2004). Kajian sahsiah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor. (Laporan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Johari Abdul Hamid. (2007). *Falsafah dan Kritikan Seni*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Zuri Ghani, Rahimi Che Aman, Nik Rosila Nik Yaacob & Aznan Che Ahmad. (2008). Perbezaan personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik (PCA) berdasarkan gender. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 111-112.
- Mohibullah Khan Marwat, Syed Zia Ul-Islam, Muhammad Waseem & Hazratullah Khattak. (2014). Islamic perspectives with reference to health and participation in sports. *Asian Journal of Social Sciences & Humanities*, 3(3).
- Motlotle, K., Wright, C.R., Sisimayi, R., Ilukena, A., Dladla, N., Tambulukani, G. & Masendu, M. (2000). *Curriculum theory, design and assessment*. Africa: The commonwealth of learning.
- Muhammad Ibrahim Abdullah At-Tuwaijiri.(2010). *Ensiklopedi islam Al-Kamil*. Jakarta: Darus Sunah.
- OKDPPDG XKKDQGDODZL OKDPPDG 6D1DG.KDQGDODZL *Al-ahadis ul-muntakhabah (hadis-hadis pilihan)*. Selangor: Mashi Publication.
- Muhammad Rodhi. (2013). Studi analisis pemikiran Al-Ghazali tentang pendidikan karakter anak di dalam kitab Ayyuhul Walad. Sarjana Program. Institut Agama Islam, Walisongo.
- Muhammad Qutb. (1997). *Sifat-sifat golongan Ulu Al-Albab*. Kuala Lumpur: Penerbitan Salafi.
- Muslim. (2664). Syarh Nawawi, jilid 8 hal. 260

Nurfaradilla Nasri, Siti Norhidayah Roslan, Mohammad Iskandar Sekuan, Kasmah Abu Bakar, Lilia Halim & Sharifah Nor Puteh. (2010). Effectiveness of School Wide Enrichment Model (MPSS) in Mara Junior Science College. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 7(C), 43-49.

Nurul Nadya Abu Bakar, Nadhirah Ridzuan, Siti Nor Atiqah Abd Padzil, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud. (2010). Peningkatan dan pembentukan semula kurikulum teknik dan vokasional di Malaysia untuk mencapai *self-actualization*. Edupress, Eprint. Universiti Teknologi Malaysia.

Nurul Wahida Azid @ Aziz. (4--QHQLQJNDWNDQNHSHOEDJDLDQNHFHUGDVQ pelajar pintar cerdas akademik melalui aktiviti pengDODP SURVLGLQJ International Conference on Social Science Research. Penang: Malaysia.

Nor Hayati Alwi. (2005). Ke arah pembentukan model Pembangunan Insan Sains Seimbang dalam pendidikan sains. *Jurnal Teknologi*, 42 (E), 77-93

Noor Hisham Mohd Nawi. (2012). Islamisasi kurikulum pendidikan Islam di institusi pendidikan guru : tribulasi dan cadangan. Pusat pengajian bahasa dan pembangunan sahsiah. Universiti Malaysia Kelantan.

Nordin Tahir. (2012). Perkembangan Personaliti . Institut Perguruan Ipoh.

Norsiah Sulaiman, S. Salahuddin Suyurno & Fairuzah Basri. (2004). Pendidikan Islam: tinjauan metodologi silam dan realiti hari ini dalam International Seminar on Islamic Thought. 7-9 Disember 2004. Bangi.

Nor Sofurah Mohd Faiz, Maziana Mohamed & Rosfaslizah Zahit. (2006). Gaya pembelajaran pelajar cemerlang- satu kajian dalam membantu meningkatkan kualiti pembelajaran. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Nye, J., Orel, E. & Korcherina, E. (2001). Big five personality traits and academic performance ini Russian Universities. National Higher University Higher School of Economics.

Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: UPM Press.

Ornstein, A. C., & Hunkins, F. P. (2013). *Curriculum: Foundations, Principles and Issues*. United States of America: Pearson.

Ozer, D., & Benet-Martínez, V. (2006). Personality and the prediction of consequential outcomes. Annual Review Of Psychology, 57401-421

Penubuhan Maktab Rendah Sains Mara. (2005). (atas talian) <http://cms.tmsasia.com/cms/content.jsp?id=com.tms.cms.section>. Akses pada 22 Januari 2015.

Pelajar MRSRM patah rusuk kiri kes belsaah senior. (2014). (atas talian) <https://www.malaysiakini.com/news/278549>. Akses pada 26 November 2015

- Peklaj, C. & Levpuscek, M. P. (2001). Students motivation and academic success in relation to the quality of individual and collaborative work during a course in educational psychology. The 31st Annual ATTE conference.
- Pickering, A. D. (2004). *The neuropsychology of impulsive antisocial sensation seeking personality traits: From dopamine to hippocampal function?* New York: Elsevier.
- Punch, K. F. (1998). *Introduction to social research: Quantitative and qualitative approaches.* London: SAGE Publications Ltd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi.* Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pollard, L. J., & Bates, L.W. (2004). Religion and perceived stress among undergraduates during fall 2001 final examinations. *Psychological Reports*, 95, 999±1007.
- Portal Rasmi Majlis Amanah Rakyat. (n.d). Pengenalan dan sejarah. (atas talian). <http://www.mara.gov.my/pengenalan-sejarah>. Akses pada 23 Disember 2014.
- Roberts, B. W., Jackson, J. J., Fayard, J. V., Edmonds, G., Meints, J. L., Mark R. & Hoyle, R. H. (2009). *Handbook of individual differences in social behavior.* New York: Guilford Press.
- Roach, A. T., Kratochwill, T. R. & Frank, J. L. (2009). School-based consultants as change facilitators: Adaptation of the Concern-Based Adoption Model (CBAM) to support the implementation of research based practices. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 19, 300-320.
- Rozana Abd. Rahim dan Nor Hashimah Hashim. (2005). Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan Sekolah Rendah. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005, Universiti Sains Malaysia.
- Ruslinawati Abdul Ghani, Rohana Ahmad & Jamilah Omar. (n.d). Penghayatan Aqidah GDODP NDODQJDQ SHODMDU 3ROLWHNQLN 6WDQ EG DOLP 0GJDP 6KDK (POLIMAS): Satu Analisis. Politeknik SuWDOEGNDOLP0BGJDP6KDK
- Ryan, G.W. & Bernard, H.R. (2000). *Data Management And Analysis Methods.* London: Sage Publication.
- Saucier, G. (1992). Openness versus intellect: Much ado about nothing? *European Journal of Personality*, 6, 381±386.
- Sabri Mohamad Sharif. (2009). *Generasi Ulul Albab Segunung Harapan Seteguh Gagasan.* Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- 6D~~L~~G LEQ 4DVLP 0KDPPDG -DPD~~O~~GLQ LEQ 0KDPPDG *Mau'izhat al-Mukminin Min Ihya' Ulum al-Din.* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Siti Fatimah Abdul Rahman. (1993). *Asas-asas masyarakat cemerlang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

ORKG 6KDKULO KPDG 5DJLPL ¶QWHJUDWLQJ 8O¶DEDE HGKDWLRLQDQG VFLHQFH
HGKDWLRLQLQGHYHORSPHQWLQVDQWD¶LELJHQHUDWLQF DVHVWRI0DUD-¶
6FLHQFH &ROOHJH 0-6&¶GDODP 3URVLGLQJ :(, ,QWHUQDWLRQDO FDGHPLF
Conference. Antalya, Turkey.

Sahih Bukhari, *Shahih Bukhari*, hadis nombor 61.

Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziati Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. (2012). Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *Asean Jounal of Teaching and Learning in Higher Education*, 4, No.2, 51-60.

Sitko, N. J. (2013). Designing a qualitative research project: conceptual framework and research questions [PDF document]. (atas talian). http://fsg.afre.msu.edu/zambia/Conceptual_Framework_and_Research_Questions.pdf. Akses pada 10 Oktober 2014.

Strauss, A. L., dan J. Corbin. (1998). *Basics of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques*. California: Sage Publications, Inc.

Suriati Jaafar. (2012). *Dokumentasi temu duga pelajar tingkatan 1 Ulul Albab 2012*. Negeri Sembilan: MRSM Gemencheh.

Syed Najmuddin Syed Hassan, Abdul Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd Sabri Mamat. (2009). Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(2), 31-50.

Syahrul Faizaz & Azizah Othman. (2006). Kefahaman tentang konsep asas dakwah islamiah dan metodologi dakwah islamiah di kalangan pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH).

Tenaw, Y. A. (2013). Relationship between self-efficacy, academic achievement and gender in analytical chemistry at Debre Markos College of teacher education. *African Journal of Chemistry Education*, (1).

The Balanced Curriculum: A Guiding Document For Scheduling And Implementation Of The North Carolina Standard Course Of Study At The Elementary Level Educating The Whole Child. (2003). NC: Department of Public Instruction

Umi Kalthom Abdul Manaf, Ady Hameme Nor Azman, Fadzilah Abdul Rahman, Hafizah Zulkifli & Fitriah Alias. (2013). Laporan Penilaian Pelaksanaan Program Ulul Albab di MRSM Kota Putra. Serdang.

Wan Mariana Wan Mohammad & Mohd Shafiee Hamzah. (2012). Penerapan konsep Ulul Albab dalam pendidikan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG, 7 Julai 2012. Port Dickson (unpublished).

Yin, R. K. (2003). *Case study research: Design and methods*. (3rd ed.). California: Sage.

Zamrus Rahman & Mokelas Ahmad. (n.d). Malaysia curriculum planning, development and reform. (atas talian). <http://www.ibe.unesco.org/curriculum/Asia%20Networkpdf/ndrepmy.pdf>. Akses pada 11 Disember 2014.

Zakaria Stapa. (1999). *Aqidah dan akhlak dalam kehidupan muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Zuraidah Othman. (n.d). Tajdid ilmu dan pendidikan: tinjauan apresiatif terhadap pemikiran pendidikan Islam Sidek Baba. Universiti Malaya.